

## KESAN MODUL MOTIVATIONAL INTERVIEWING BERASASKAN COGNITIVE BEHAVIOUR THERAPY TERHADAP DAYA TINDAK MURID SEKOLAH MENENGAH

*THE IMPACT OF THE INTEGRATED INTERVENTION MODULE OF MOTIVATIONAL INTERVIEWING-COGNITIVE BEHAVIOR THERAPY ON THE LEVEL OF MOTIVATION TO CHANGE, COPING ABILITY, AND DIRECT BEHAVIOR AMONG SCHOOL STUDENTS*

**Emilia Man**

**Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip**

**Ahmad Jazimin Jusoh**

**Noor Asiah Hassan**

Fakulti Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Malaysia Tanjung Malim Perak.

*Corresponding Author's Email : [emiliaman@ymail.com](mailto:emiliaman@ymail.com)*

---

### **Article History:**

**Received** : 26 October 2024

**Revised** : 30 November 2024

**Published** : 31 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

### **To cite this article:**

Man. E., Mohamed Arip. MAS, Jusoh, A.J. Hassan N.M. (2024). Kesan Modul Motivational Interviewing Berasaskan Cognitive Behaviour Therapy Terhadap Daya Tindak Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Ilmi*, 14(1), 188-206.

### **ABSTRAK**

Kajian eksperimen ini bertujuan untuk mengukur kesan rawatan modul dengan menggunakan pendekatan integrasi Motivational Interviewing berdasarkan Cognitive Behaviour Therapy dalam meningkatkan daya tindak dalam kalangan murid tingkatan empat di dua buah sekolah menengah daerah Klang, Selangor. Modul kajian ini dibina sebanyak 10 sesi dan 20 aktiviti bimbingan kelompok telah dijalankan secara mingguan. Soal selidik yang digunakan mengandungi maklumat peribadi dan soal selidik kajian menjurus kepada konstruk kajian seperti Soal Selidik Brief Cope yang telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Yusoff Saiful (2011). Kajian eksperimen tulen ini melibatkan seramai 99 subjek dipilih memasuki dua jenis kumpulan rawatan iaitu Kumpulan Bimbingan Kelompok Besar (KBB) serta Kelompok bimbingan kecil (KBK) dan satu kumpulan kawalan (KK). Subjek kajian berumur 16 tahun dan merupakan murid sekolah

menengah harian biasa. Subjek rawatan KBK ialah 33 orang pelajar yang dibahagikan kepada tiga kelompok kecil ( $R1a=11$ ,  $R1b=11$  dan  $R1c=11$ ), manakala KBB seramai 33 orang murid dalam satu kelompok besar ( $R2=33$ ) dan satu kelompok kawalan ( $KK=33$ ). Data kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif, ANOVA, ANCOVA, MANCOVA dan Post Hoc jenis Tukey pada aras signifikan 0.01 dan 0.05. Dapatkan kajian mendapati rawatan KBK lebih berkesan dalam meningkatkan pemboleh ubah bersandar daya tindak dengan perbezaan min ujian pra dan pasca iaitu 2.8 manakala kumpulan kawalan pula tidak menunjukkan sebarang perubahan. Secara keseluruhan, skor ( $p<0.05$ ), secara signifikan menunjukkan Modul MI-CBT berkesan dalam meningkatkan strategi daya tindak dan menurunkan kadar penglibatan murid terhadap tingkah laku langsang. Item berkaitan integrasi MI-CBT juga turut meningkat secara signifikan. Kajian ini juga mendapati pengaruh jantina dan pendapatani isi rumah tidak memberi kesan terhadap rawatan. Implikasi melalui kajian ini membuktikan bahawa intervensi dan aktiviti yang sesuai akan menyebabkan berlaku peningkatan daya tindak (DT) murid. Dicadangkan kajian seterusnya, dengan membina modul pencegahan yang berperanan meningkatkan perubahan tingkahlaku terhadap aspek psikologi bagi membantu kaunselor mengaplikasikan ilmu kaunseling kepada semua.

Kata kunci : *Motivational Interviewing, Cognitive Behaviour Therapy, Brief Cope, Modul dan Daya Tindak.*

## **ABSTRACT**

*This study aims to measure the effect of intervention treatment by using an integration approach between MI and Cognitive Behavior Therapy in increasing the level of coping skills. This study was conducted on Form Four students in two secondary schools in Klang district, Selangor. The questionnaire used contains personal information and consisted of research questionnaires related to the research constructs, such as the Brief Cope Questionnaire. This true-experimental study involved a total of 99 subjects selected to enter two types of treatment groups, namely Large Group Guidance Counseling (KBB) and Small Group Guidance Counseling (KBK) and a control group (KK). The research subject is 16 years old and is a regular high school student. KBK treatment subjects are 33 students who are divided into three small groups ( $R1a=11$ ,  $R1b=11$  and  $R1c=11$ ), while for KBB consisted of 33 students in a large group ( $R2=33$ ) and a control group ( $KK=33$ ). Subjects in the treatment group were given ten weekly group sessions, over a period of 10 weeks. The study data was analyzed using descriptive analysis, ANOVA, ANCOVA, MANCOVA and Post Hoc Tukey type at the significance level of 0.01 and 0.05. The findings of the study found that the KBK and KBB treatments were effective in increasing the dependent variables. There were significant increases in coping skills mean scores between pre-survey and post-survey  $< 0.05$ . In other hand, control group doesn't show any improvement of changes. Overall case scores ( $p = 0.001$ ) significantly improved after the introduction of the Intervention Module. Items related to integration of MI-CBT, also improved significantly. The KBK treatment group was found to be more effective than the KBB treatment. This study also found that gender and household income did not affect the treatment. The implications through this study will increase the understanding of the*

*coping skills that can help increasing the motivation factor. Therefore, the issue of coping skills needs to be given special attention and a new approach needs to be adopted, to be fully mastered by counselors and treatment practitioners.*

**Keywords:** Motivational Interviewing, Cognitive Behavior Therapy, Brief Cope, Module and Coping Skills

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan bertanggungjawab untuk menentukan bahawa empat (4) tujuan pendidikan nasional dapat dicapai, iaitu untuk melahirkan bangsa Malaysia yang setia dan bersatu padu, menyediakan sumber manusia untuk keperluan pembangunan negara dan menyediakan peluang pendidikan untuk semua warganegara Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Rancangan ini menggariskan visi sistem pendidikan dan keinginan individu yang perlu dipenuhi untuk memenuhi keperluan masa depan negara (Sire Etum, Al-Amin dan Abdul Ghani, 2021).

Mutakhir ini semakin banyak peristiwa yang menunjukkan tingkah laku negatif pelajar di sekolah (Adawiah dan Azemi Shaari, 2017). Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Mohd Hamdi, 2021 berkata kehilangan pekerjaan, masalah keluarga dan ketidakupayaan menyesuaikan diri dengan norma baharu terutamanya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antara faktor menyumbang kepada masalah sosial remaja sekolah kesan daripada pelbagai sekatan dan arahan bagi kawalan penyakit ini. Selain itu, Pandemik Covid-19 juga telah mengubah cara pengajaran dan pembelajaran melalui media sosial Ismail et al (2022). Akibatnya, Pandemik Covid-19 mendorong tercetusnya implikasi buruk terhadap semua aspek kehidupan komuniti, baik secara langsung atau tidak langsung (Norashikin, Sidek, Johari, dan Ishar, 2021).

Penularan Pandemik Covid-19 yang menyerang seluruh dunia telah menyebabkan pelbagai tindakan kawalan telah diambil oleh pihak kerajaan terutamanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana iaanya memberi kesan yang besar terhadap kehidupan individu. Antara kesan terbesar akibat pasca pandemik ini, murid semakin liar dan tidak lagi memahami norma sosial dalam bertindak. Seperti kenyataan daripada kajian Rustim et al. (2022) telah mendapati susulan daripada pandemik ini, perspektif murid dan tingkah laku mereka terhadap guru turut berkurang akibat kesan norma baharu. Ini juga termasuk norma baharu ini telah memberikan impak yang sangat tinggi kepada dunia pendidikan serta yang terlibat (Chung dan Mohamed Noor 2020; Azman dan Abdullah, 2021). Perkara ini telah memberi perubahan yang besar dari pelbagai aspek terhadap diri murid itu sendiri, seperti daya tahan diri, daya tindak atau bagaimana individu ini berinteraksi, pergaulan sosial, komunikasi dan interaksi sesama guru serta rakan yang sepatutnya dirasai ketika sesi persekolahan. Secara tidak langsung, hal ini sedikit sebanyak mengubah personaliti atau tingkah laku murid ke arah yang tidak sepatutnya. Menurut Rahimi et al. (2019) tahap tekanan dan keimbangan pelajar bergantung kepada kemampuan beradaptasi dengan suasana persekitaran mereka. Maka, daya tindak amat penting dalam menguruskan tekanan dan literasi emosi yang melibatkan kemahiran intrapersonal (mengurus interaksi sosial) serta interpersonal (mengurus emosi

diri) adalah penting dan perlu dimiliki oleh remaja khususnya.

## PENYATAAN MASALAH

Kecelaruan pemikiran, gangguan emosi dan tingkah laku yang tidak normal adalah didasari dengan kelemahan strategi daya tindak yang berkesan. Kajian tinjauan yang dilakukan oleh Sahide, & Pauzi, (2023) strategi daya tindak antara langkah yang sering digunakan apabila seseorang individu mengalami tekanan dalam kehidupan yang merupakan antara faktor utama berlakunya tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja. Ini juga di sokong oleh Wilding dan Milne (2006) menjelaskan berkaitan strategi daya tindak yang boleh membantu remaja ini bereaksi dan mengelak dari mengalami sebarang krisis tingkah laku, emosi dan pemikiran. Seterusnya Lazarus & Folkman (1984) strategi daya tindak ialah sesuatu yang dilakukan oleh individu bagi mengatasi sesuatu perkara mahupun keperluan yang membebani di luar kemampuan mereka sendiri. Namun masih kurang kajian yang mengfokuskan integrasi model dan teori. Kebanyakan kajian merujuk kepada teori klasik yang diasaskan oleh pengkaji Barah. Oleh itu kajian ini membina modul intervensi yang berintergrasikan Intervensi *Motivational Interviewing* yang berasaskan teori yang memberi gambaran terhadap kognitif, emosi dan tingkah laku iaitu *Cognitive behaviour therapy*.

## SOROTAN LITERATUR

MI pada dasarnya dibangunkan untuk merawat masalah ketagihan alkohol tetapi semakin berkembang dan diintegrasikan untuk merawat masalah keimbangan. Oleh sebab itu, sebuah model di cadangkan dengan melihat secara teknikal dan faktor yang berkaitan dengan efikasi MI itu sendiri (Mia Romano, Jelena Arambasic dan Lorna Peters 2021). Secara hipotesisnya kajian ini juga menjelaskan berkaitan bagaimana terapis MI ini melihat perubahan perbualan yang dilakukan oleh klien sehingga terapis mampu untuk menjangkakan hasil dari rawatan tersebut samada secara positif atau disebaliknya. Kajian mendapati bahawa motivasi untuk berubah menyumbang kepada aplikasi daya tindak, yang seterusnya menyumbang kepada tekanan sosial (Ibrahim et al., 2018). Terdapat banyak cara bagi murid yang menghadapi tekanan akademik untuk menggunakan daya tindak tingkah laku. Selain itu, murid yang mempunyai tahap tekanan yang rendah biasanya lebih bermotivasi. Walau bagaimanapun, untuk membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi, mereka memerlukan sokongan daripada seseorang atau persekitaran yang positif (Abdul dan Lailawati., 2020; Dixit, 2020). Murid yang aktif mempunyai kesejahteraan psikologi yang baik. Selain dan Rosli (2019) menjelaskan aspek pertama yang perlu diukur apabila melibatkan daya tindak ialah aplikasi pengurusan yang mengutamakan masalah dan emosi. Selain itu, Usman Sani (2019) dalam kajiannya didapati salah satu objektif kajian berkaitan pengurusan adaptif dimana Remaja menggunakan teknik penstrukturkan tingkah laku dan kognitif serta teknik pengharapan agama dan ketuhanan, seperti berdoa dan mendekatkan diri kepada tuhan. Nurul Sofiah, Noraini, dan Mohd Sufiean telah bekerjasama pada tahun 2020. Aplikasi pengurusan berfokuskan masalah dan emosi adalah yang pertama. Apabila menggunakan aplikasi pengurusan berfokuskan masalah, murid lebih cenderung untuk menceritakan masalah mereka kepada orang yang mereka percaya. Untuk aplikasi yang berpusatkan emosi,

sesetengah murid lebih cenderung untuk mendekatkan diri kepada Tuhan, berdoa, dan membina kekuatan dalam diri mereka sendiri (Baker et.al., 2022).

## METODOLOGI

Menurut Ragab et al. (2018) tiada satu kaedah konvensional yang boleh digunakan untuk semua penyelidikan, maka pengkaji akan mengambil kira metodologi yang paling relevan untuk kajian ini. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan paradigma eksperimental, penerangan, deduktif untuk menyiasat persoalan kajian yang dicadangkan. Sesuatu kajian penyelidikan mestilah berasaskan aliran falsafah ilmu dan rekabentuk penyelidikan yang dipilih harus mencerminkan dengan jelas tentang andaian falsafah (Ragab dan Arisha, 2018).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Hipotesis 1

**Terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat daya tindak secara keseluruhan antara kelompok bimbingan besar (KBB), kelompok bimbingan kecil(KBK) dan kumpulan kawalan (KK) dalam kalangan murid sekolah menengah.**

Pengujian Hipotesis 1 ini adalah bertujuan menilai kesan MMI-CBT terhadap pemboleh ubah terikat daya tindak secara keseluruhan yang diukur kepada pemboleh ubah kumpulan KBB, KBK dan KK. Bagi mencapai tujuan ini, analisis ANCOVA dilaksanakan dengan menilai perbezaan skor min praujian dan pascaujian yang diuji bagi melihat sebarang perubahan. Penentuan perbandingan skor min dapat ditentukan melalui piawaian interpretasi skor min berdasarkan pandangan Kerlingger (2009) adalah terpakai. Ujian *Brief Cope* digunakan bagi mengukur daya tindak secara keseluruhan dengan menggunakan skala Likert satu hingga lima dengan kiraan julat 5 iaitu; a. skor min 1.00 hingga 2.33 adalah rendah, b. skor min 2.34 hingga 3.66 adalah sederhana dan c. skor min 3.67 hingga 5 adalah tinggi. Berikut merupakan analisis deskriptif bagi menunjukkan perbezaan min praujian dan pasca ujian pemboleh ubah terikat seperti Jadual 1.

## Jadual 1

Ringkasan analisis deskriptif skor min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat Daya Tindak secara keseluruhan di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min		Perbezaan	Keterangan
		Praujian	Pascaujian		
Daya Tindak secara keseluruhan	KBB	1.5836 (.11931)	4.3475 (.13733)	2.7639	Meningkat
	KBK	1.6359 (.11876)	4.4715 (.12602)	2.8356	Meningkat
	KK	1.6232 (.12194)	1.6523 (.16599)	0.0291	Meningkat

Keterangan: (-) = sisihan piawai

Seperti Jadual 1 analisis deskriptif menunjukkan perubahan min pascaujian dalam pemboleh ubah daya tindak secara keseluruhan dalam kalangan murid sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan perubahan min bagi kumpulan KBB ialah sebanyak 2.76 yang menunjukkan penambahan daripada tahap daya tindak rendah kepada tahap tinggi. Bagi kumpulan KBK, menunjukkan peningkatan nilai min pascaujian iaitu sebanyak 2.84 dengan peningkatan tahap daya tindak rendah kepada tahap tinggi. Kumpulan KK pula menunjukkan peningkatan min sebanyak 0.03 namun masih mengekalkan tahap daya tindak tahap rendah. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelaksanaan MMI-CBT berkesan meningkatkan daya tindak murid secara umumnya. Data deskriptif telah melaporkan wujudnya kesan MMI-CBT kepada pemboleh ubah daya tindak secara keseluruhan di antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Dalam menjawab Hipotesis 1, analisis ANCOVA dilakukan dan ringkasan daptatan kajian adalah seperti Jadual 2

### Jadual 2

Ringkasan analisis ANCOVA melihat kesan kumpulan terhadap min praujian dan pascaujian Daya Tindak secara keseluruhan di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

<b>Sumber</b>	<b>Pemboleh ubah terikat JDK</b>		<b>Dk</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>Sig.</b>
Antara Kumpulan	Daya Tindak secara keseluruhan	84.487	2	42.244	2356.166	.000
Jumlah Dibaiki		1.721	96	.018		

(aras signifikan,  $k < .05$ )

Jadual 2 adalah dapatan kajian berdasarkan analisis ANCOVA menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat iaitu daya tindak secara keseluruhan  $F(2,96) = 2356.17$  ( $k < .05$ ) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK. Memandangkan wujud perbezaan yang signifikan dalam pemboleh ubah daya tindak secara keseluruhan di antara kumpulan rawatan dan kawalan, maka ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* dapat menunjukkan perbezaan min antara kumpulan tersebut. Ringkasan ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* adalah seperti Jadual 3.

### Jadual 3

Ringkasan analisis statistik *Post Hoc Tests (Tukey)* mengukur perbezaan pemboleh ubah Daya Tindak secara keseluruhan di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Kump. Rawatan/Kump. Rawatan/</b>		<b>Perbezaan</b>	<b>Sisihan</b>	<b>Sig.</b>
	<b>Kawalan (I)</b>	<b>Kawalan (J)</b>	<b>Min (I-J)</b>	<b>Piawai</b>	
Daya Tindak secara keseluruhan	KBB	KBK	-.0881*	.02286	.001
		KK	1.3278*	.02286	.000
	KBK	KBB	.0881*	.02286	.001
		KK	1.4159*	.02286	.000
	KK	KBB	-1.3278*	.02286	.000
		KBK	-1.4159*	.02286	.000

Jadual 3 merupakan keputusan ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBB, KBK dan KK terhadap pemboleh ubah terikat daya tindak secara keseluruhan. Dapatan kajian telah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBB dan KBK dengan perbezaan min -.088 yang menunjukkan perubahan min lebih besar dalam kumpulan KBK

berbanding KBB. Selain itu, terdapatnya perbandingan yang signifikan di antara KBB dengan KK dengan perbezaan min 1.33 yang menunjukkan perubahan min kumpulan KBB lebih besar berbanding kumpulan KK. Bukan itu sahaja, terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBK dengan KK dengan perbezaan min 1.42 yang menunjukkan perubahan min kumpulan KBK adalah lebih besar berbanding kumpulan KK. Sehubungan dengan itu juga, dirumuskan bahawa rawatan MMI-CBT berkesan atau mempunyai hubungan yang signifikan dengan boleh ubah terikat daya tindak secara keseluruhan. Maka dengan itu, Hipotesis 1 adalah diterima.

Selain itu, daya tindak merupakan boleh ubah terikat yang diuji dalam kajian ini dengan melibatkan dua subskala yang diukur melalui alat Ujian *Brief Cope*. Subskala pertama yang diukur adalah daya tidak (fokus emosi). Oleh itu, Hipotesis 1.1 yang digariskan adalah seperti berikut:

#### Hipotesis 1.1

Terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian boleh ubah terikat daya tindak (fokus emosi) antara kelompok bimbingan besar (KBB), kelompok bimbingan kecil(KBK) dan kumpulan kawalan (KK) dalam kalangan murid sekolah menengah.

Pengujian Hipotesis 1.1 ini adalah bertujuan menilai kesan MMI-CBT terhadap boleh ubah terikat daya tindak (fokus emosi) yang diukur kepada boleh ubah kumpulan KBB, KBK dan KK. Bagi mencapai tujuan ini, analisis ANCOVA dilaksanakan dengan menilai perbezaan skor min praujian dan pascaujian yang diuji bagi melihat sebarang perubahan. Berikut merupakan analisis deskriptif bagi menunjukkan perbezaan min praujian dan pasca ujian boleh ubah terikat seperti Jadual 4.

Jadual 4

Ringkasan analisis deskriptif skor min praujian dan pascaujian boleh ubah terikat Daya Tindak (fokus emosi) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK.

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min		Perbezaan	Keterangan
		Praujian	Pascaujian		
Daya secara emosi)	Tindak (fokus	KBB	1.6439 (.16960)	4.3636 (.14851)	2.7197
		KBK(R1)	1.6201	4.4811	Meningkat
		KBK(R2)	1.7001	4.4812	
		KBK(R3)	1.7812	4.4617	

KK	1.6768 (.17400)	1.7348 (.25892)	0.0580	Meningkat
----	--------------------	--------------------	--------	-----------

Keterangan: (-) = sisihan piawai

Jadual 4 melaporkan analisis deskriptif yang menunjukkan perubahan min pascaujian dalam boleh ubah daya tindak (fokus emosi) dalam kalangan murid sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan perubahan min bagi kumpulan KBB ialah sebanyak 2.72 yang menunjukkan penambahan daripada tahap daya tindak (fokus emosi) rendah kepada tahap tinggi. Bagi kumpulan KBK, menunjukkan peningkatan nilai min pascaujian iaitu sebanyak 2.77 dengan peningkatan tahap daya tindak (fokus emosi) rendah kepada tahap tinggi. Kumpulan KK pula menunjukkan peningkatan min sebanyak 0.06 namun masih mengekalkan tahap daya tindak (fokus emosi) tahap rendah. Jadual ini juga menjelaskan mengenai markah min bagi setiap Dapatkan kajian menunjukkan bahawa markah daya tindak emosi pada kumpulan rawatan sebelum menjalani rawatan berada dalam julat markah min 1.62 sehingga 1.78 yang menunjukkan rendahnya daya tindak emosi. Sementara itu kumpulan kawalan pada praujian menunjukkan markah min 1.68. Pada pasca ujian julat markah kumpulan rawatan adalah sebesar 4.36 sehingga 4.48. Sementara itu kumpulan kawalan mendapatkan markah pasca ujian sebesar min 1.73. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelaksanaan MMI-CBT berkesan meningkatkan daya tindak (fokus emosi) murid secara umumnya. Data deskriptif telah melaporkan wujudnya kesan MMI-CBT kepada boleh ubah daya tindak (fokus emosi) di antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Dalam menjawab Hipotesis 1.1 secara terperinci, analisis ANCOVA dilakukan dan ringkasan daptatan kajian adalah seperti Jadual 5.

#### Jadual 5

Ringkasan analisis ANCOVA melihat kesan kumpulan terhadap min praujian dan pascaujian Daya Tindak (fokus emosi) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

Sumber	Pemboleh ubah terikat JDK			Dk	MKD	F	Sig.
Antara Kumpulan	Daya emosi)	Tindak (fokus	79.433	2	39.716	1246.875	.000
Jumlah Dibaiki			3.058	96	.032		

(aras signifikan,  $k < .05$ )

Jadual 5 merupakan daptatan kajian berdasarkan analisis ANCOVA yang menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat iaitu daya tindak (fokus emosi)  $F(2,96) = 1246.88$  ( $k < .05$ ) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK. Memandangkan wujud perbezaan yang signifikan dalam pemboleh ubah daya tindak (fokus emosi) di antara kumpulan rawatan dan kawalan, maka ujian *Post Hoc*

*Tests (Tukey)* dapat menunjukkan perbezaan min antara kumpulan tersebut. Ringkasan ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* adalah seperti Jadual 6.

Jadual 6

Ringkasan analisis statistik *Post Hoc Tests (Tukey)* mengukur perbezaan pemboleh ubah Daya Tindak (fokus emosi) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

Pemboleh ubah	Kump. Rawatan/	Kump. Rawatan/	Perbezaan	Sisihan	Sig.
	Kawalan (I)	Kawalan (J)	Min (I-J)	Piawai	
Daya Tindak (fokus KBB emosi)	KBK	KBK	-.0833*	.03243	.031
		KK	1.2980*	.03243	.000
	KBK	KBB	.0833*	.03243	.031
		KK	1.3813*	.03243	.000
	KK	KBB	-1.2980*	.03243	.000
		KBK	-1.3813*	.03243	.000

Aras signifikan p <0.05

Jadual 6 melaporkan keputusan ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* yang menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBB, KBK dan KK terhadap pemboleh ubah terikat daya tindak (fokus emosi). Dapatkan kajian telah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBB dan KBK dengan perbezaan min -.083 yang menunjukkan perubahan min lebih besar dalam kumpulan KBK berbanding KBB. Selain itu, terdapatnya perbandingan yang signifikan di antara KBB dengan KK dengan perbezaan min 1.30 yang menunjukkan perubahan min kumpulan KBB lebih besar berbanding kumpulan KK. Bukan itu sahaja, terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBK dengan KK dengan perbezaan min 1.38 yang menunjukkan perubahan min kumpulan KBK adalah lebih besar berbanding kumpulan KK. Sehubungan dengan itu juga, dirumuskan bahawa rawatan MMI-CBT berkesan atau mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah terikat daya tindak (fokus emosi). Maka dengan itu, Hipotesis 1.1 adalah diterima.

Selain itu, daya tindak merupakan pemboleh ubah terikat yang diuji dalam kajian ini dengan melibatkan dua subskala yang diukur melalui alat Ujian *Brief Cope* Subskala kedua yang diukur adalah daya tidak (fokus masalah). Oleh itu, Hipotesis 1.2 yang digariskan adalah seperti berikut:

## Hipotesis 1.2

Terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat daya tindak (fokus masalah) antara kelompok bimbingan besar (KBB), kelompok bimbingan kecil(KBK) dan kumpulan kawalan (KK) dalam kalangan murid sekolah menengah.

Pengujian Hipotesis 1.2 ini adalah bertujuan menilai kesan MMI-CBT terhadap pemboleh ubah terikat daya tindak (fokus masalah) yang diukur kepada pemboleh ubah kumpulan KBB, KBK dan KK. Bagi mencapai tujuan ini, analisis ANCOVA dilaksanakan dengan menilai perbezaan skor min praujian dan pascaujian yang diuji bagi melihat sebarang perubahan. Analisis deskriptif bagi menunjukkan perbezaan min praujian dan pasca ujian pemboleh ubah terikat seperti Jadual 7.

Jadual 7

Ringkasan analisis deskriptif skor min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat Daya Tindak (fokus masalah) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min		Perbezaan Min	Keterangan
		Praujian	Pascaujian		
Daya Tindak (fokus masalah)	KBB	1.5232 (.13241)	4.3313 (.17911)	2.8081	Meningkat
	KBK(R1)	1.5623	4.5000		
	KBK(R2)	1.5811	4.4321		
	KBK(R3)	1.5715	4.4802		
	KK	1.5697 (.13343)	1.5697 (.14916)	0.0000	Tidak berubah

Keterangan: (-) = sisihan piawai

Jadual 7 melaporkan analisis deskriptif yang menunjukkan perubahan min pascaujian dalam pemboleh ubah daya tindak (fokus masalah) dalam kalangan murid sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan perubahan min bagi kumpulan KBB ialah sebanyak 2.81 yang menunjukkan penambahan daripada tahap daya tindak (fokus masalah) rendah kepada tahap tinggi. Bagi kumpulan KBK, menunjukkan peningkatan nilai min pascaujian iaitu sebanyak 2.90 dengan peningkatan tahap daya tindak (fokus masalah) rendah kepada tahap tinggi. Kumpulan KK pula menunjukkan tidak terdapatnya sebarang perubahan min dan masih mengekalkan tahap daya tindak (fokus masalah) tahap rendah. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelaksanaan MMI-CBT berkesan meningkatkan daya tindak (fokus masalah) murid secara umumnya. Data deskriptif telah melaporkan wujudnya kesan MMI-CBT kepada pemboleh ubah daya tindak (fokus masalah) di antara kumpulan rawatan

berbanding kumpulan kawalan. Dalam menjawab Hipotesis 1.2 secara terperinci, analisis ANCOVA dilakukan dan ringkasan dapatan kajian adalah seperti Jadual 8.

Pada subskala daya tindak masalah dapatan kajian menunjukkan bahawa markah kumpulan rawatan sebelum menjalani rawatan berada dalam julat markah min 1.52 sehingga 1.58 yang menunjukkan rendahnya daya tindak masalah. Sementara itu kumpulan kawalan pada praujian menunjukkan markah min 1.57. Pada pasca ujian julat markah kumpulan rawatan adalah sebesar 4.33 sehingga 4.50. Sementara itu kumpulan kawalan mendapatkan markah pasca ujian sebesar min 1.57.

#### Jadual 8

Ringkasan analisis ANCOVA melihat kesan kumpulan terhadap min praujian dan pascaujian Daya Tindak (fokus masalah) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

Sumber	Pemboleh ubah terikat JDK	Dk	MKD	F	Sig.
Antara Kumpulan	Daya Tindak (fokus masalah)	89.704	2	44.852	1771.513 .000
Jumlah Dibaiki		2.431	96	.025	

(aras signifikan,  $k < .05$ )

Jadual 8 merupakan dapatan kajian berdasarkan analisis ANCOVA yang menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat iaitu daya tindak (fokus masalah)  $F(2,96) = 1771.51$  ( $k < .05$ ) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK. Memandangkan wujud perbezaan yang signifikan dalam pemboleh ubah daya tindak (fokus masalah) di antara kumpulan rawatan dan kawalan, maka ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* dapat menunjukkan perbezaan min antara kumpulan tersebut. Ringkasan ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* adalah seperti Jadual 9.

### Jadual 9

Ringkasan analisis statistik *Post Hoc Tests (Tukey)* mengukur perbezaan pemboleh ubah Daya Tindak (fokus masalah) di antara kumpulan KBB, KBK dan KK

Pemboleh ubah	Kump. Rawatan/Kawalan (I)	Kump. Rawatan/Kaw Min (I-J) alan (J)	Perbezaan Sisihan		Sig.
			Rawatan/Kaw Min (I-J)	Piawai	
Daya Tindak (fokus KBB masalah)	KBK	KBK	-.0929*	.02365	.000
		KK	1.3576*	.02365	.000
	KK	KBB	.0929*	.02365	.000
		KK	1.4505*	.02365	.000
	KK	KBB	-1.3576*	.02365	.000
		KBK	-1.4505*	.02365	.000

Jadual 9 melaporkan keputusan ujian *Post Hoc Tests (Tukey)* yang menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBB, KBK dan KK terhadap pemboleh ubah terikat daya tindak (fokus masalah). Dapatan kajian telah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBB dan KBK dengan perbezaan min -0.09 yang menunjukkan perubahan min lebih besar dalam kumpulan KBK berbanding KBB. Selain itu, terdapatnya perbandingan yang signifikan di antara KBB dengan KK dengan perbezaan min 1.36 yang menunjukkan perubahan min kumpulan KBB lebih besar berbanding kumpulan KK. Bukan itu sahaja, terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara kumpulan KBK dengan KK dengan perbezaan min 1.45 yang menunjukkan perubahan min kumpulan KBK adalah lebih besar berbanding kumpulan KK. Sehubungan dengan itu juga, dirumuskan bahawa rawatan MMI-CBT berkesan atau mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah terikat daya tindak (fokus masalah). Maka dengan itu, Hipotesis 1.2 adalah diterima.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya kesan modul ini dapat dibuktikan dengan melihat bahawa Modul intervensi MI berasaskan CBT(MMI-CBT) dapat mencakupi teori, keterampilan praktis, dan implementasi dalam konteks yang lebih luas dan menterjemahkan aspek pembangunan kemanusiaan ke ruang lingkup yang berbeza. Secara astik implimentasi teori dan terapi yang dilaksanakan memberikan persepsi Baharu berkaitan perubahan tingkah laku Baharu dan peningkatan daya tindak yang lebih relevan. Penglibatan responden dalam setiap aktiviti yang dirancang telah menjadikan penglibatan mereka berhasil dalam menupayakan corak Tingkah laku (*behaviour*) , pemikiran (kognitif) dan emosi yang lebih proaktif serta rasional.

Selain itu modul intervensi MI-CBT memiliki peranan yang penting dalam menyediakan kerangka bimbingan kelompok yang lebih berstruktur, berfokus dan intipati yang berasas. Modul ini juga mampu membangkitkan keinginan, kesediaan dan kesungguhan responden dalam memahami konsep asas kaunseling dalam usaha merawat kecelaruan pemikiran dan ketidakharmonian emosi sehingga menyebabkan mereka bertindak diluar kawalan (tingkah laku langsang). Keseragaman dan konsistensi intervensi juga dilihat mampu menjadikan responden didorong dengan perasaan ingin lakukan perubahan pada diri dalam erti kata lain ingin menjadi lebih baik. Melalui dapatan kajian ini secara umumnya di dapat responden mampu mengikuti dan memahami namun matlamat sebenar pendekatan ini ialah intervensi rawatan yang meninggalkan kesan perubahan yang berkekalan.

## Sumbangan Pengarang

Perbincangan dalam bahagian ini pula menjawab soalan kajian kesan MMI-CBT terhadap daya tindak secara keseluruhan. Daya tindak adalah salah satu subskala yang diukur dalam kajian ini dan merupakan boleh ubah tambahan. Analisis statistik mendapat terdapat peningkatan yang bermakna bagi min posujian berbanding min praujian subskala daya tindak. Seterusnya, analisis deskriptif skor min praujian dan posujian bagi daya tindak melalui perbandingan kumpulan rawatan KBKTMB (3 kelompok; R1a,R1b dan R1c), KBBTMB dan kelompok kawalan juga menunjukkan terdapat peningkatan min posujian berbanding min praujian. Ini membuktikan bahawa kedua-dua kelompok rawatan KBKTMB dan KBBTMB berkesan dalam meningkatkan subskala daya tindak. Kes akhlak yang paling banyak dilaporkan adalah seperti memiliki harta curi dan mencuri, memiliki dan mengedar dadah, lumba haram, merompak, merogol, mencabul dan gangsterime (Jabatan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; (JKMWPKL).

Keputusan kajian yang dijalankan oleh Spivick dan Shure (2012) menyokong kajian ini. Dengan melakukan kajian berbentuk intervensi menggunakan kaedah kelompok latihan untuk meningkatkan daya tindak dalam kemahiran menyelesaikan masalah ke atas kanak-kanak tadika keturuna Afrika-Amerika yang berasal daripada keluarga

berpendapatan rendah. Hasil kajian menunjukkan kelompok Latihan untuk meningkatkan kecekapan sosial dan Kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan subjek kajian berbanding kelompok kawalan. Kajian Nurul Fauzzuan (2017), menjalankan kajian kuasi eksperimen yang menunjukkan sampel kajian yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen memiliki konsep kendiri yang rendah, resilien rendah dan daya tindak yang rendah. Kesan kaunseling kelompok perkembangan dan rawatan menunjukkan perningkatan terhadap ketiga-tiga konstruk utama tersebut.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

### **RUJUKAN**

- Abd. Kadir Husain.(2016). Kesan Kaunseling Kelompok Terhadap Kompetensi Sosial Pelajar
- ISSN: 16130073
- Abdul Adib Asnawi & Lailawati Madlan (2020). Kemahiran Pengurusan Stres dalam Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Kepuasan Hidup Remaja. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(3), 1-11
- Adawiah Idris & Azemi Shaari. (2017). Pembinaan, Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul
- Bimbingan Terapi Realiti Teori Pilihan. UUM. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20, 77–87.
- Ahmad, S. S., & Kasim, T. S. A. T. (2020). Pengamalan Akhlak Guru Pendidikan Islam Mempengaruhi Pengamalan Akhlak Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang, Terengganu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 254-266.
- Abdullah, A. S. (2021). Leadership, Task Load And Job Satisfaction: A Review Of Special Education Teachers Perspective. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(11), 5300-5306.
- Baker, S. R., Farrokhnia, R. A., Meyer, S., Pagel, M., & Yannelis, C. (2020). How does household spending respond to an epidemic? Consumption during the 2020 COVID-19 pandemic. *The Review of Asset Pricing Studies*, 10(4), 834-862
- Bonate, P. L. (2000). *Analysis of pretest-posttest designs*. CRC Press.
- Chua, Y.P.(2009).*Kaedah dan statistik penyelidikan Buku 4.Statistik Penyelidikan lanjutan Ujian univariat dan multivariat*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd
- Chung, E., Noor,N.M., & Vloreen Nity Mathew. (2020). Are You Ready? An Assessment of Online Learning Readiness among University Students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(1), 301-317

- Dixit, K. (2020). A Study To Assess The Academic Stress And Coping Strategies Among Adolescent Students: A Descriptive Study. Indian Journalof Applied Research, 9, 12.
- Eron, L. D., & Huesmann, L. R. (1990). The stability of aggressive behavior—even unto the third generation. *Handbook of developmental psychopathology*, 147-156.
- Green, S. B., Salkind, N. J., & Akey, T. M. (2000). *For windows: analyzing and understanding data*. Prentice-Hall New Jersey
- Hijazi, M. F. M., Mee, S. K. S., & Matshah, N. (2021). Kajian Rintis Kesan Program Wear Shields Ke Atas Ketahanan Diri Dalam Kalangan Pelajar Berisiko Di Kampar, Perak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 10-29.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Kamaluddin, M. R., Yunos, N. A., Hassan, N., & Sulaiman, W. S. W. (2021). Relationship between coping strategy and the high-risk relapse situation among drug offenders. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3), 422-430.
- Ismail, N. H., Halifah, D. N. A. A., & Makhsin, M. (2022). Faktor Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar. *International Journal Of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. volume 7 issue 46 (June 2022) PP. 674-685 DOI 10.35631/IJEPC.746051
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022). Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara. Retrieved:<https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/Laporan%20Statistik%202022.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dasar pendidikan kebangsaan. Selangor. Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Kerlinger,F.N.(2009).Foundation of Behavioral research (8<sup>th</sup> edition) ,New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984).*Stress, appraisal, and coping*. Springer publishing company.
- Mia Romano,Jelena Arambasic & Lorna Peters. (2021). Motivational Interviewing for Social Anxiety Disorder: An Examination of the Technical Hypothesis. *Psychotherapy Research* (2021) Doi: 10.1080/10503307.2020.1751892issn: 14684381
- Mohammad Aziz Arah Mohamed Arip, Fatimah Yusoff. Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Sofian Syed Salim & Nazariah Abd, Samad (2011). The effectiveness of Cognitive Behaviour Therapy (CBT) treatment group on self-concept among adolescents. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(8),113-122.
- Mohd Rafidi Jusoh, Abdul halim Mohd Husin & Saedah Abdul Ghani (2015). Keberkesanan terapi kelompok psikopendidikan dalam meningkatkan motivasi penagih dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia* 9(1).
- Norashikin, N. A. A., Sidek, N. I. J., Johari, N. A., & Ishar, M. I. M. (2021). Kesan Norma Baharu Terhadap Pengguna Dari Aspek Aktiviti Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 159-170.

- Nurul Fazzuan Khalid (2017). *Kesan Kaunseling kelompok perkembangan dan rawatan terhadap konsep kendiri, resilien dan daya tindak pelajar SMKA*. Tesis Ph.D.Universiti Pendidikan Sultan Idris.,
- Nurul Sofiah Ahmad A.M, Noraini Abdul Raop & Mohd Sufiean Hassan (2020). Peranan Kesihatan Mental Sebagai Moderator Terhadap Kecenderungan Bunuh Diri. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 87-99.
- Rahimi, M. K. A., Abdul Rahman, K., & Sabri, F. (2019). Relationship between Emotional States and Coping Styles Among High Risk Students. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 21(Special Issue), 14-24.
- Ragab, M., Arisha, A. (2018) *Research Methodology in Business: A Starter's Guide. Management and Organizational Studies* Vol. 5, No. 1; 2018. doi.org/10.5430/mos.v5n1p1
- Rustum, S. S., Nie, W. T. W., Ejaiipi, A. E., Adilah, N. I., Panjabi, M. K. A., Hussin, M. S. Z., ... & Husin, M. R. (2022). Kesan daripada Pandemik: Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 89-103.
- Rozita Wahab .(2014). *Perkaitan Antara Perapatan Ibu Bapa, Perapatan Rakan Sebaya, Sokongan Sosial dan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Delikuen Melayu di Pusat Pemulihan Akhlah di Semenanjung Malaysia*. UPM: Serdang.
- Saedah A. Ghani. (2005). Kesan kaunseling keluarga ke atas kefungsian keluarga dan tingkah laku bermasalah remaja awal. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Persatuan Kaunseling Malaysia XII 2005. Anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat. ESSET, Bangi, 24 - 26 Jun.
- Saunders, M., Lewis, P. H. I. L. I. P., & Thornhill, A. D. R. I. A. N. (2007). Research methods. *Business Students 4th edition Pearson Education Limited, England*, 6(3), 1-268.
- Selian, S. N., Hutagalung, F. D., & Rosli, N. A. (2020). Pengaruh stres akademik, daya tindak dan adaptasi sosial budaya terhadap kesejahteraan psikologi pelajar universiti. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(2), 36-57.
- Sire Etum, Al-Amin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Abdullah.,(2021). Pengaruh Pengurusan Disiplin Sekolah, Tingkah Laku Buli Murid dan Estim Kendiri Murid Terhadap Kualiti Kehidupan Murid: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 10, (page 303 - 312), 2021 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1111>
- Spivick,Derk,Shure (2012).Article: *group counselling: techniques for teaching social skill to student with special needs*. University of Idaho, Moscow, University Of Idaho, Coeur Alene, Northwestern State University, Natchitoches,LA.
- Usman Sani U. (2019). Impact of Academic Stress and Coping Strategies among Senior Secondary School Students in Kaduna State, Nigeria. *International Journal of Innovative Social & Science Education Research*, 7(1), 40-44
- Yusoff, Muhamad Saiful Bahri. (2011). The Validity of the Malay Brief COPE in Identifying Coping Strategies among Adolescents in Secondary School. *International Medical Journal*, 18, 29-33.